

01 OCT 1997

DR MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN "ASIA-KYUSHU" NOVEMBER INI

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan "Asia-Kyushu" mengenai konsep "satu kampung satu keluaran" pada 14 Nov ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Penerangan Negeri Ahmad Lebai Sudin berkata negara-negara yang terbabit dalam kawasan pembangunan segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) akan diundang ke persidangan itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat projek-projek pertanian di sini hari ini beliau berkata kerajaan negeri berharap persidangan itu akan dapat menggerakkan rakyat Kedah dengan semangat rajin bekerja dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran pertanian masing-masing.

Konsep itu dilaksanakan dengan jayanya di wilayah Oita di Jepun.

Sebanyak 20 negara dijangka menyertai persidangan itu.-- BERNAMA

ZI RHM MAI